

## PENGAYAAN KOSA KATA | PEMANTAPAN PENULISAN KARANGAN

mengecutkan perut	menimbulkan kemudaratan	mengeksplotasi orang lain	jalan keluar
mengangkat harga diri	tingkah laku agresif	melemparkan sindiran	kekurangan sifat empati

Baca ayat-ayat yang di bawah dengan telitinya, kemudian isikan tempat kosong dengan rangkai kata yang sesuai sekali.

1. Pelbagai wacana turut diadakan bagi mencari jalan keluar = cara penyelesaian yang berkesan untuk membendung gejala buli, namun tiada sebarang petanda gejala ini akan reda dan berakhir.
2. Sekolah yang berperanan sebagai tempat perlindungan selamat untuk pelajar dan bebas daripada persekitaran yang \_\_\_\_\_ dengan mementingkan suasana yang aman dan mesra. mengecutkan perut = menakutkan
3. Para ahli psikologi menyatakan bahawa buli merupakan suatu bentuk tingkah laku agresif seseorang yang ditunjukkan secara sengaja dan berulang kali yang menyebabkan kecederaan atau menimbulkan ketidakselesaan kepada orang lain.
4. Pada era dunia digital yang semakin berkembang pesat, gejala buli turut berlaku secara meluas. Kesannya, gejala buli siber yang merujuk penyalahgunaan teknologi digital sehingga \_\_\_\_\_ kepada orang lain. menimbulkan kemudaratan = membahayakan
5. Untuk menutup kelemahan diri, pembuli akan menggunakan kebolehan mereka untuk \_\_\_\_\_ agar mereka mendapat perhatian dan penghargaan untuk meningkatkan harga diri. mengeksplotasi orang lain = memperalat orang lain
6. Walaupun buli menarik perhatian yang negatif, namun pada pandangan pembuli, tingkah laku buli tetap mendapat perhatian yang secara tidak langsung akan mengangkat harga diri pembuli untuk diterima dalam kalangan kelompok mereka.
7. Pelajar yang kurang mempunyai sifat empati juga berpotensi mempunyai tingkah laku buli kerana kekurangan sifat empati menyebabkan mereka tidak dapat mengetahui cara untuk memahami atau tidak mahu memahami perasaan seseorang. empati = daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain
8. Terdapat pelajar yang suka membuat tindakan yang kasar atau melemparkan sindiran yang keterlaluan dengan menyatakan bahawa mereka hanya bergurau dan ingin memeriahkan suasana di dalam bilik darjah atau sebagainya.

